

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **41**

TUTUP AURAT SUPAYA SELAMAT

Allah s.w.t. mengharamkan wanita mendedahkan kecantikan zahimya, bukan bertujuan menyekat kebebasan wanita, tetapi kerana Allah menyayangi wanita. Tidak ada wanita yang akan teraniaya dan menderita kerana hukum menutup aurat. Sebaliknya, dengan mendedahkan aurat mereka telah menzalimi diri mereka dan merosakkan orang lain.

110 Ramai Wanita Menghuni Neraka?

96 Komitedkah Aku dalam Mendalami Islam?

68 Riba, Umpama Dirasuk Syaitan

25 Aib Orang Diselindung, Aib Sendiri Disorok

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

41




RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia



Masih Muslim walau di Alam Siber

Pernahkah kita terfikir, dalam sehari berapa lamakah kita menghabiskan masa melayari Internet sama ada untuk tujuan kerja, belajar mahupun sekadar untuk bersantai? Jika kita menghabiskan lima atau enam jam sehari berada di atas talian, maka sebenarnya kita boleh dikatakan seolah-olah telah "hidup" di alam siber selama tempoh tersebut setiap hari.

Dengan pelbagai alatan dan *gadget* hari ini yang berkemampuan untuk mengakses Internet, disokong pula dengan meluasnya daerah liputan yang dibina oleh syarikat-syarikat penyedia rangkaian, maka lebih mudah untuk kita melangkah ke dunia maya walau di mana kita berada.

Muslim Dunia Nyata dan Maya

Kita boleh dikatakan hidup di alam siber kerana kita melakukan pelbagai aktiviti dalam ruang lingkup alam tersebut. Aktiviti-aktiviti "kehidupan" di alam siber kini bukan setakat melayari laman-laman *web* secara pasif atau berbalas e-mel

sekali-sekala. Malah aktiviti ini lebih meluas lagi.

Antara aktiviti terkini yang sering dilakukan oleh ramai daripada kalangan kita adalah seperti memuatkan kisah-kisah peribadi tentang diri, coretan kehidupan seharian, berkongsi foto, video dan hasil karya bersama keluarga dan rakan-rakan, malah bermacam-macam lagi di Internet.

Kewujudan tapak *blog* dan laman sosial memudahkan sesiapa sahaja melakukan aktiviti-aktiviti tersebut berbanding membina laman *web* peribadi yang memerlukan kemahiran tertentu (walaupun ia sebenarnya tidaklah sesukar mana). Internet

kini berada di tangan semua orang untuk menentukan kandungan alam siber.

Inilah antara ciri Internet masa kini yang disebut sebagai Web 2.0 atau ReadWriteWeb. Secara tidak langsung, dengan melakukan aktiviti-aktiviti sebegini, kita telah mewujudkan diri kita di alam siber.

Kehidupan di alam siber menjadi lebih segar dan rancak apabila Internet juga menjadi wadah untuk berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain tanpa mengira di mana pun seseorang itu berada.

Kita bukan sahaja wujud, malah kita hidup bersama di alam siber. Oleh sebab itu, satu perkara asas yang perlu sentiasa kita sedar adalah sepertimana seseorang itu menjadi Muslim di dunia nyata, maka kita juga perlu menjadi Muslim di dunia maya Internet.

Berhati-Hati di Alam Maya

Sering kali kita begitu leka dan teruja melakukan aktiviti kehidupan siber kita. Namun, satu perkara yang harus diingat adalah apa yang kita letakkan di Internet boleh kekal dan terus wujud di alam siber. Maklumat peribadi dalam bentuk teks, gambar dan video, malah e-mel yang dihantar, ada kemungkinan tersimpan di ceruk-ceruk tertentu di alam siber.

Setiap kali kita menyertai mana-mana perkhidmatan atas talian, sama ada percuma atau berbayar, maka maklumat kita sudah berada di tangan pihak yang lain untuk simpanan mereka. Mungkin kita telah membuang maklumat-maklumat peribadi dari laman sosial, akaun ataupun *gadget* milik sendiri, tetapi bagaimana pula dengan ratusan (malahan ribuan) rakan atas talian kita yang mungkin telah memuat turun atau membuat salinan teks, gambar atau video yang telah kita letakkan di Internet sebelum itu?

Kisah-kisah yang memuatkan gambar dan video yang tidak sepatutnya sama ada milik peribadi ataupun orang lain sudah terlalu biasa kita dengar. Ini seharusnya tidak berlaku. Para penghuni alam siber harus lebih berwaspada dalam menjaga maruah dan privasi diri sendiri serta orang lain.

Di beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, para majikan menjadikan maklumat tentang diri kita yang boleh didapati di atas talian sebagai rujukan dalam membuat keputusan sama ada orang yang memohon pekerjaan di organisasi mereka (atau pekerja mereka yang sedia ada) sesuai atau tidak untuk bekerja dengan mereka.

Inilah antara insiden yang dibincangkan oleh Don Tapscott dalam kajiannya ter-

Kita juga harus menghormati pengunjung atau penghuni alam siber yang lain kerana mereka ialah "jiran tetangga" kita di perkampungan maya global. Para pengunjung laman blog dan sosial kita ialah tetamu yang wajar disantuni.

hadap kesan penggunaan teknologi digital, khususnya Internet terhadap masyarakat. Beliau dan ahli kumpulannya daripada satu firma penyelidikan telah membuat kajian jangka masa panjang yang ditaja beberapa buah syarikat besar antarabangsa. Kajian ini memfokuskan golongan yang disebut sebagai "generasi Y", iaitu generasi yang lahir bermula Januari 1977 sehingga Disember 1997.

Yang menariknya, kajian beliau melibatkan ribuan golongan generasi Y dari pelbagai benua di seluruh dunia yang dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama berlaku iaitu sekitar tahun 1990-an dan diterbitkan buku bertajuk *Growing Up Digital: The Rise of the Net Generation* pada tahun 1997. Manakala fasa kedua berlangsung antara tahun 2006 hingga 2008 dan diterbitkan pula buku bertajuk *Grown Up Digital: How The Net Generation Is Changing Your World* pada tahun 2009.

Hasil kajian tersebut banyak menyangkal tanggapan sesetengah pihak berkenaan kesan negatif Internet terhadap masyarakat. Namun begitu, antara kesimpulan yang dibuat hasil pemerhatian dan kajiannya ialah, kita harus berwaspada dan berhati-hati dalam berkongsi kehidupan peribadi dan sosial dengan jutaan penghuni alam siber yang lain.

Dari perspektif Islam, kita merujuk kepada keperluan untuk memelihara maruah diri sebagai panduan asas dalam men-

jalankan aktiviti-aktiviti sebegini. Penjagaan terhadap maruah diri merupakan salah satu tujuan utama mengamalkan syariah Islam, atau *maqasid al-shari'ah* sepertimana yang digariskan oleh para ulama seperti Imam al-Ghazali dan Imam al-Shatibi.

Menjaga Adab dengan Tetangga Maya


Begitu juga dalam kita bermuamalah dengan manusia lain yang hidup bersama-sama dengan kita di alam siber. Kita biasa terdengar tentang pelbagai perkara, topik dan maklumat sebagai fitnah, adu domba ataupun berita palsu semata-mata. Ataupun kita juga biasa terbaca komen-komen yang dibuat di laman-laman *blog* dan sosial yang menggunakan kata-kata kesat dan kurang berakhlak.

Melihat perkara ini, sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, yang turut ternukil sebagai hadis ke-15 dalam kitab *Hadis 40 Imam al-Nawawi* boleh menjadi panduan kehidupan di alam siber.

Daripada Abu Hurairah r.a., sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia menghormati tetangganya dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya."

Hadis ini secara umumnya menyentuh tentang panduan bermuamalah sesama manusia. Merujuk kepada apa yang telah Rasulullah s.a.w. pesankan kepada kita tentang ciri-ciri orang yang beriman, maka jika kita tidak ada apa-apa yang baik untuk diperkatakan, dikongsi atau dimuatkan di alam siber, maka lebih baik kita berdiam diri sahaja. Jangan memuatkan atau menulis perkara-perkara yang tidak elok atau sia-sia.

Kita juga harus menghormati pengunjung atau penghuni alam siber yang lain kerana mereka ialah "jiran tetangga" kita di perkampungan maya global. Para pengunjung laman *blog* dan sosial kita ialah tetamu yang wajar disantuni. Jika ada apa-apa masalah yang mereka timbulkan, maka tanganilah ia dengan penuh berakhlak dan berhemah.

Kewujudan kita di alam siber itu harus diislamkan, sepertimana Islamnya kita di alam nyata. Gerbang ke alam siber kini berada di mana-mana, maka sebagai seorang Muslim, kita haruslah berusaha untuk hidup dalam ketaatan dan ketakwaan. Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah di mana-mana sahaja kita berada, walaupun di alam siber. 



Aznan Zuhid Saidin

Lulusan B.IRKH, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Telah menyiapkan tesis PhD untuk Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya berkaitan dengan nilai-nilai Islam dan ICT. Kini berkhidmat di Kulliyah ICT, UIAM. E-mel: aznanzs@gmail.com